

Skema Jawapan

soalan	Perincian		markah
1 (a)	Nyatakan maksud		
(i)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7	Kerajaan Muncul disebabkan adanya raja Raja merupakan pemerintah tertinggi Dibantu oleh pembesar Melalui sistem Pembesar Empat Lipatan Menjadi tonggak pentadbiran Melaka Sistem pentadbiran tersusun menjadikan Melaka empayar terkenal Selepas kedatangan Islam, gelaran sultan digunakan [mana-mana 2 x 1m]	1 1 1 1 1 1 1 [2 markah]
(ii)	F1 F2 F3 F4 F5 F6	Wilayah pengaruh Merujuk kawasan pemerintahan raja Diterima dan diakui oleh rakyat KMM mempunyai wilayah pengaruh luas Merangkumi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan Pantai Timur Sumatera Diperolehi melalui penaklukan, naungan dan perkahwinan Membuktikan kewibawaan pemerintah kerajaan [mana-mana 2 x 1m]	1 1 1 1 1 1 [2 markah]
I (b)	Senaraikan dua lambang kebesaran Kesultanan Melayu Melaka.		
	F1 F2 F3 F4 F5	Adat istiadat Penggunaan warna Nobat Regalia Cap mohor [mana-mana 2 x 1m]	1 1 1 1 1 [2 markah]
I (c)	Mengapakah warisan sesuatu bangsa perlu dipertahankan dalam kehidupan sesebuah masyarakat? Berikan penjelasan anda.		
	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7	Melambangkan identiti sesebuah negara Melambangkan sifat majmuk dalam sesebuah masyarakat Mengelakkan perpaduan negara Contohnya amalan kunjung mengunjungi semasa musim perayaan Menarik minat pelancong luar menghayati keunikan masyarakat Mengelakkan kesinambungan tamadun Dapat mengetahui asal usul masyarakat <i>[Mana-mana jawapan yang munasabah]</i> [mana-mana 4 x 1m]	1 1 1 1 1 1 1 [4 markah]

soalan	Perincian		markah
2 (a)	Nyatakan faktor-faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.		
	F1	Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union	1
	F2	Orang Melayu, Raja-raja Melayu, cendikiawan Melayu dan UMNO berganding bahu menentang Malayan Union	1
	F3	Laporan Gamman menyatakan perlaksanaan MU akan menimbulkan huru hara	1
	F4	Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO supaya British menerima usul mereka sebelum membincangkan perkara lain.	1
	F5	Sokongan pentadbir British	1
	F6	Sir Edward Gent, Sir Malcom MacDonald, Sir Ralph Hone, Gamman, AT Newboult, Rolland Braddle, W. Linehan dan Theodore Adam mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu	1
	F7	Sir Ralph Hone mencadangkan Raja-raja Melayu dilibatkan dalam pentadbiran berdasarkan perlembagaan	1
	F8	PTM akan mewujudkan politik yang stabil utk menarik pelabur luar	1
	F9	Menepati dasar dekolonisasi yang disarankan oleh PBB melalui Piagam Atlantik	1
	[mana-mana 3 x 1m]		[3 markah]
2 (b)	Mengapa orang Melayu menerima pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?.		
	F1	Pentadbiran	1
	F2	Terdiri daripada sembilan buah negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka.	1
	F3	Persekutuan Tanah Melayu 1948 diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif.	1
	F4	Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Perundangan berperanan untuk membantu dan memberikan nasihat kepada Pesuruhjaya Tinggi British.	1
		Kuasa Raja-Raja Melayu	
	F5	Majlis Raja-Raja Melayu ditubuhkan untuk memberikan pandangan dalam perkara tertentu.	1
	F6	Bagi peringkat negeri, Sultan bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Perundangan Negeri.	1
	F7	Perundangan.	1
		Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British.	
	F8	Bidang Majlis Perundangan Persekutuan mencakupi hal ehwal luar, ketenteraan awam, kehakiman, perdagangan, komunikasi dan percukaian.	1
	F9	Rang undang-undang yang diluluskan tersebut mestilah diperkenan oleh Raja-Raja melayu melalui Majlis Raja-Raja.	1
	F10	Kewarganegaraan	1
	F11	Syara-syarat kerakyatan menjadi lebih ketat.	1
	F12	Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah memenuhi sebahagian besar tuntutan orang-orang Melayu.	1
	F13	Kedudukan istimewa orang-orang Melayu juga terpelihara dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948.	1
	F14		1
	F15		1
	[Mana-mana jawapan yang munasabah]		
	[mana-mana 3 x 1m]		[3 markah]

2 (c)	Jelaskan kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 kepada negara kita.	
	F1	Mengembalikan kedudukan Raja-Raja Melayu semula.
	F2	Majlis Raja-raja diwujudkan melalui peruntukan Perjanjian Persekutuan
	F3	Majlis ini dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu daripada sembilan orang raja.
	F4	Pesurujaya Tinggi memastikan bahawa Raja-raja Melayu perlu dirujuk terhadap kuasa kerajaan Persekutuan.
	F5	Pada peringkat negeri, sultan menjadi ketua negeri dan berkuasa melantik Menteri Besar sebagai ketua pentadbir negeri.
	F6	Mengasaskan sistem pembahagian kuasa antara kerjaan pusat dengan kerajaan Negeri.
	F7	Terbentuk Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri
	F8	Membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara.
	F9	Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa.
	F10	Mewujudkan kerjasama kaum melalui Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum(CLC).
	F11	Berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum.
	F12	Persekutuan Tanah Melayu 1948 merintis kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang sekali gus membawa kemerdekaan.
	<i>[Mana-mana jawapan yang munasabah]</i>	
	[4 markah]	

soalan	Perincian		markah
3 (a)	Nyatakan slogan yang digunakan oleh Jepun untuk menonjolkan imej mereka sebagai pembela negara Asia?		
	F1 F2 F3	Semangat Asia Asia untuk orang Asia Lingkungan Sekemakmur Asia Timur Raya [mana-mana 2 x 1m]	1 1 1 [2 markah]
3 (b)	Mengapakah Jepun ingin menguasai Tanah Melayu		
	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8	Eksplotasi sumber bahan mentah Membiaayai perindustrian dan ketenteraan Tanah Melayu pengeluar utama bijih timah, getah, emas, bijih besi, arang batu dan bauksit Sumber minyak di Miri dan Lutong Menjayakan rancangan Lingkungan Sekemakmur Asia Timur Raya Kepentingan strategik ketenteraan Penguasaan terhadap Singapura membuka laluan penguasaan Jepun di Sumatera Penguasaan terhadap Pulau Borneo menjayakan operasi penaklukan Pulau Jawa [mana-mana 2 x 1m]	1 1 1 1 1 1 1 1 [2 markah]
3 (c)	Bagaimanakah Jepun melaksanakan dasar Pendidikan di Tanah Melayu?		
	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8	Menutup sekolah Inggeris dan Cina Sistem persekolahan Jepun di perkenalkan Membentuk semangat persaudaraan sejagat (Hakko Ichiu) Mencapai teknologi industri Meningkatkan disiplin dan menerapkan nilai Jepun Memupuk semangat nasionalisme Asia Menghapuskan pengaruh Barat Menanamkan kesetiaan kepada Jepun [mana-mana 3 x 1m]	1 1 1 1 1 1 1 1 [3 markah]
3 (d)	Apakah iktibar yang boleh di ambil daripada peristiwa pendudukan Jepun di Tanah Melayu?		
	F1 F2 F3 F4 F5 F6	Tidak mempercayai mana-mana kuasa luar Hidup bersatu padu menghadapi ancaman luar Kita mestilah mempunyai ketahanan fizikal dan mental untuk menghadapi tekanan atau cabaran Kita mestilah mengelak daripada perkara yang boleh membawa timbulnya ketegangan kaum Kita perlulah mempertahankan nikmat keamanan untuk kehidupan yang sejahtera Kita perlu belajar untuk hidup bersama-sama bagi menjamin keadaan yang aman dan harmoni. (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 [mana-mana 3 x 1m] [3 markah]

Soalan	Perincian		Markah
4(a)	Nyatakan syarat menjadi calon dalam pilihan raya tersebut.		
	F1 Warganegara Persekutuan Tanah Melayu F2 Berumur 21 tahun ke atas F3 Telah tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dan tinggal dalam tempoh 12 bulan sebelum hari penamaan calon. F4 Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu	1 1 1 1	[Mana-mana 2 x 1 m] [2 markah]
4(b)	Jelaskan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.		
	F1 Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan dan berjaya membentuk 52 kawasan pilihan raya F2 Rang undang-undang diluluskan bagi membolehkan pilihan raya diadakan F3 Pendaftaran pengundi mulai 18 Oktober 1954 di seluruh Tanah Melayu, manakala di Terengganu bermula 29 Oktober 1954. F4 Penamaan calon pada 15 Jun 1955 F5 Kempen pilihan raya selama 45 hari F6 Mengundi pada 25 Julai 1955 F7 Peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi dan proses pengiraan undi dilakukan F8 Pengumuman keputusan	1 1 1 1 1 1 1 1	[Mana-mana 4 x 1 m] [4 markah]
4(c)	Jelaskan kepentingan amalan pilihan raya dalam negara demokrasi.		
	F1 Mengekalkan kedaulatan negara F2 Melibatkan rakyat dalam pemerintahan negara F3 Kerajaan dipilih oleh rakyat F4 Berpeluang menentukan kepimpinan negara F5 Memilih wakil rakyat yang berkebolehan F6 Memilih kerajaan yang berwibawa F7 Menjamin pemerintahan yang adil F8 Memastikan pentadbiran berjalan lancar F9 Menentukan masa depan negara (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1	[Mana-mana 4 x 1 m] [4 markah]

soalan	Perincian		markah
5 (a)	Apakah maksud nasionalisme?		4 markah
	F1	Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara	1
	F2	Semangat kebangsaan	1
	F3	Sikap dan pendekatan yang berkaitan dengan perjuangan menentang penjajahan	1
	F4	Pembelaan terhadap bangsa dan negara	1
	F5	Gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial	1
	F6	Daripada penguasaan orang asing	1
	F7	Berkait rapat dengan pengalaman sejarah dan pengaruh sekeliling keturunan, agama bahasa dan adat resam	1
	C7	[mana-mana 4 x 1m]	
		[4 markah]	
5 (b)	Bagaimakah sistem pendidikan menjadi pemangkin gerakan nasionalisme di negara kita?		8 markah
	F1	Penubuhan madrasah	1
	H1a	Telah meniupkan semangat baharu	1
	H1b	Dalam kalangan pelajar pada awal abad ke- 20	1
	C1	Contohnya, Madrasah al-Attas di Johor Bahru (1914), Madrasah al-Masyhur di Pulau Pinang (1916) dan Madrasah al- Idrisiyah Kuala Kangsar (1926)	1
	F2	Melalui kunjungan para ulama kaum muda dari Sumatera Barat	1
	F3	Pelajar dari Mesir menyebarkan idea kemajuan dan permodenan	1
	F4	Melahirkan golongan yang memimpin rakyat	1
	H4	Menuntut hak mendapatkan pendidikan	1
	C4	Raffles Institution di Singapura, Maktab Melayu Kuala Kangsa atau Malay College Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Perguruan Sultan Idris atau Sultan Idris Training College (SITC)	1
	F5	Pelajar didekah dengan idea tokoh falsafah Islam dan barat	1
	F6	Memperlihatkan kelemahan bangsa yang dijajah	1
	C6a	Mendesak British melakukan pembaharuan	1
	C6b	SITC menjadi medan ilmu untuk berbincang	1
	C6c	Menghasilkan karya nasionalisme	1
		[mana-mana 8 x 1m]	
		[8 markah]	

5 (c)	Jelaskan kepentingan semangat nasionalisme dalam membentuk negara Malaysia yang berdaulat.	8 markah
	<p>Aras 4</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p><i>Contoh :</i></p> <ul style="list-style-type: none"> -Rakyat mempunyai jati diri yang kukuh -tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang negatif -mempunyai semangat setia negara yang tinggi -sanggup berkorban untuk negara dan bangsa -hidup bersama saling hormat menghormati dan bertoleransi - contohnya menghormati kepercayaan, agama dan budaya kaum lain -Kesannya keamanan dan keharmonian negara akan terpelihara <ul style="list-style-type: none"> -Menjamin kemakmuran ekonomi negara -Dapat menarik pelabur asing akan melabur negara kita -Insfrastruktur negara dapat dibangunkan -Kesannya pembangunan negara akan berjalan dengan lancar -Meningkatkan imej negara di persada dunia 	7-8
	<p>Aras 3</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh yang sesuai membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik</p> <p><i>Contoh :</i></p> <ul style="list-style-type: none"> -Rakyat mempunyai jati diri yang kukuh -tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang negatif -mempunyai semangat setia negara yang tinggi -sanggup berkorban untuk negara dan bangsa -hidup bersama saling hormat menghormati dan bertoleransi - contohnya menghormati kepercayaan, agama dan budaya kaum lain -Kesannya keamanan dan keharmonian negara akan terpelihara 	5-6

	<p>Aras 2</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman yang jelas Jawapan dihurai tetapi terhad Komunikasi/pengolahan kurang menarik (tiada contoh)</p> <p><i>-Rakyat mempunyai jati diri yang kukuh -tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang negatif -mempunyai semangat setia negara yang tinggi -sanggup berkorban untuk negara dan bangsa</i></p>	3-4
	<p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan mudah/umum Komunikasi/pengolahan terhad</p> <p><i>Contoh :</i></p> <p><i>- Rakyat mempunyai jati diri yang kukuh -Mempunyai semangat setia negara yang tinggi</i></p>	1-2

6(a)	Jelaskan ciri-ciri Malayan Union.		
	F1	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat kecuali Singapura disatukan menjadi satu unit pentadbiran.	1
	F2	Contoh Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang, Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis dan Johor, Melaka dan Pulau Pinang.	1
	F3	Gabenor British yang dilantik oleh Raja England mengetuai Malayan Union.	1
	F4	Raja-Raja Melayu menjadi ahli Majlis Raja-Raja.	1
	F5	Majlis Raja-Raja hanya membincangkan soal agama Islam/adat istiadat Melayu.	1
	F6	Majlis Eksekutif dan Majlis Perundungan Malayan Union dibentuk di bawah kawalan Pesuruhjaya Tinggi British.	1
	F7	Kewarganegaraan melalui prinsip <i>jus soli</i> menjadi asas kewarganegaraan Malayan Union.	1
	[mana-mana 4x 1 m]		4 markah
6(b)	Huraikan gerakan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union		
	F1	Raja-raja Melayu menentang pelaksanaan Malayan Union.	1
	F2	Membawa kes Malayan Union ke Mahkamah Tinggi England.	1
	F3	Menghantar surat bantahan kepada Kerajaan British di London.	1
	F4	Menyokong kongres Melayu.	1
	F5	Memulau upacara pelantikan Gabenor Malayan Union.	1
	F6	Permaisuri Perak memimpin gerakan menentang Malayan Union.	1
	F7	Bantahan akhbar Melayu seperti Akhbar <i>Utusan Melayu, Majlis dan Warta Melaya</i> .	1
	F8	Menyeru orang Melayu mengadakan perhimpunan besar-besaran untuk menolak gagasan Malayan Union.	1
	F9	Bantahan cendekiawan oleh tokoh pentadbir seperti Dato' Onn Jaafar, Dato' Nik Ahmad Kamil dan Dato' Hamzah Abdullah.	1
	F10	Mengerakkan orang Melayu menentang Malayan Union dengan pelbagai strategi.	1
	F11	Tokoh wanita seperti Cikgu Zaharah Abdullah, Halimaton Abdul Majid, Saleha binti Mohd Ali dan Datin Puteh Mariah Ibrahim Rashid menjadi benteng barisan hadapan menentang Malayan Union.	1
	F12	Bantahan persatuan Melayu seperti SABERKAS, Persatuan Melayu Kedah, Perikatan Melayu Perak, Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Melayu Johor telah menghimpunkan orang-orang Melayu membantah Malayan Union.	1
	F13	Menubuhkan atau mengaktifkan semula persatuan-persatuan Melayu sebagai tindak balas terhadap gagasan Malayan Union.	1
	F14	Pemimpin dan Persatuan Melayu telah bekerjasama dengan Sultan mengadakan bantahan di kelantan, Kedah dan Johor.	1

	F15 F16 F17 F18 F19 F20	Mengadakan Kongres Melayu yang pertama di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru Kuala Lumpur. Kongres ini telah bersetuju menubuhkan UMNO untuk menentang Malayan Union. Kongres Melayu Kedua diadakan di Istana Johor pada 11 Mei 1946. UMNO ditubuhkan secara rasmi untuk memupuk perpaduan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu. Mengadakan rapat umum di bandar-bandar besar seperti Padang Francis Light di Pulau Pinang, Alor Setar Kedah, Ipoh Perak, Kampung Baru Kuala Lumpur, Klang Selangor dan Seremban Negeri Sembilan. Orang Melayu berkabung menentang Malayan Union.	1 1 1 1 1 1
	[mana-mana 8 x 1 m]		
	8 markah		
6(c)	Pada pandangan anda, apakah tindakan yang sesuai dilakukan oleh British untuk memperoleh sokongan orang Melayu terhadap pembentukan Malayan Union		
	Aras 4		7-8
	Pengetahuan dan Pemahaman yang sangat jelas Bukti / contoh yang amat sesuai Membuat infrens yang tepat Jawapan sangat mendalam/ terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan		
	Contoh		
	~ <i>Perlembagaan Malayan Union harus berdasarkan tradisi kesultanan/kerajaan Melayu</i>		
	~ <i>Mengekalkan kuasa Raja-Raja Melayu sebagai ketua negara.</i>		
	~ <i>Contohnya, Raja mempunyai kuasa tertinggi.</i>		
	~ <i>Tetapi ditentukan oleh perlembagaan.</i>		
	~ <i>Malayan Union mesti melibatkan seluruh Tanah Melayu dan Singapura (termasuk wilayah yang dikuasai Thailand, iaitu Pattani)</i>		
	~ <i>Mengekalkan kedudukan istimewa penduduk asal.</i>		
	~ <i>Kedudukan raja-raja Melayu, Bahasa Melayu, agama Islam dan perundangan Islam menjadi unsur tradisi yang mesti dimasukkan dalam perlembagaan.</i>		
	~ <i>Permohonan untuk menjadi rakyat Malayan Union mestilah berdasarkan syarat kewarganegaraan yang ketat.</i>		
	~ <i>Contohnya, pemohon mestilah mempunyai kebolehan berbahasa Melayu, memahami adat-istiadat Melayu dan kesetiaan terhadap raja dan negara.</i>		
	~ <i>Agar orang Melayu menerima Malayan Union.</i>		
	Aras 3		5-6
	Pengetahuan dan Pemahaman yang jelas Bukti / contoh sesuai Jawapan sangat mendalam Komunikasi / pengolahan menarik		
	Contoh		

	<ul style="list-style-type: none"> ~ <i>Perlembagaan Malayan Union harus berasaskan tradisi kesultanan/kerajaan Melayu</i> ~ <i>Mengekalkan kuasa Raja-Raja Melayu sebagai ketua negara.</i> ~ <i>Contohnya, Raja mempunyai kuasa tertinggi.</i> ~ <i>Tetapi ditentukan oleh perlembagaan.</i> ~ <i>Malayan Union mesti melibatkan seluruh Tanah Melayu dan Singapura (termasuk wilayah yang dikuasai Thailand, iaitu Pattani)</i> ~ <i>Mengekalkan kedudukan istimewa penduduk asal.</i> 	
	Aras 2	3-4
	<p>Pengetahuan dan pemahaman yang jelas Jawapan dihurai tetapi terhad Komunikasi/pengolahan kurang menarik (tiada contoh)</p>	
	Contoh	
	<ul style="list-style-type: none"> ~ <i>Perlembagaan Malayan Union harus berasaskan tradisi kesultanan/kerajaan Melayu</i> ~ <i>Mengekalkan kuasa Raja-Raja Melayu sebagai ketua negara.</i> ~ <i>Mengekalkan kedudukan istimewa penduduk asal.</i> ~ <i>Syarat kewarganegaraan yang ketat.</i> 	
	Aras 1	1-2
	<p>Pengetahuan dan pemahaman yang jelas Jawapan mudah/umum Komunikasi/pengolahan terhad</p>	
	Contoh	
	<ul style="list-style-type: none"> ~ <i>Perlembagaan Malayan Union harus berasaskan tradisi kesultanan/kerajaan Melayu</i> ~ <i>Mengekalkan kuasa Raja-Raja Melayu sebagai ketua negara.</i> 	

Soalan	Perincian		Markah
7(a)	Jelaskan konsep komunisme.		
	F1	Komunisme ialah ideologi yang diasaskan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels.	1
	F2	Mereka menulis karya <i>Communist Manifesto</i> dan <i>Das Kapital</i> .	1
	F3	Perkataan komunis bermaksud orang yang menganut fahaman komunis.	1
	F4	Komunisme ialah suatu fahaman politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara.	1
	F5	Percubaan untuk menyebarkan ideologi komunis di negara kita bermula sejak tahun 1920-an.	1
	F6	Dua negara yang terlibat dalam penyebaran fahaman komunis ke negara kita, iaitu China dan Indonesia.	1
		[Mana-mana 4 x 1 m]	4 markah
7(b)	Huraikan usaha kerajaan menangani ancaman komunis melalui Rancangan Briggs.		
	F1	Rancangan Briggs dilancarkan oleh Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu pada tahun 1950.	1
	F2	Leftenan Jeneral Sir Harold Rowdon Briggs pula telah dilantik sebagai Pengarah Operasi rancangan tersebut.	1
	F3	Tujuan utama rancangan ini adalah untuk memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen.	1
	F4	Min Yuen ditubuhkan untuk membekalkan makanan, senjata, maklumat dan ubat-ubatan kepada PKM.	1
	F5	Min Yuen juga melakukan peras ugut, merompak, menjalankan kegiatan propaganda, melakukan perisikan dan sabotaj, merekrut ahli baharu serta membantu dalam menjalankan kegiatan politik.	1
	F6	Min Yuen beroperasi pada sebelah malam dan bergerak dalam kalangan rakyat tanpa senjata api.	1
	F7	Di bawah Rancangan Briggs, penduduk setinggan di pinggir hutan dipaksa berpindah dari kampung halaman ke sebuah petempatan baharu.	1
	F8	Kawasan penempatan semula ini digelar "Kampung Baru"	1
	F9	Kampung Baru dilengkapi dengan kemudahan tempat tinggal, bekalan elektrik, air paip, sekolah dan kemudahan kesihatan.	1
	F10	Petempatan ini juga mempunyai kemudahan pusat komuniti dan rumah ibadat.	1
	F11	Jawatankuasa kampung ditubuhkan untuk memelihara dan memperbaiki kemudahan di Kampung Baru itu.	1
	F12	Kampung Baru juga dipagari dengan kawat berduri dan dikawal oleh Special Constables.	1
	F13	Sehingga bulan Mac 1952, lebih daripada 423 ribu orang penduduk di pinggir hutan dipindahkan ke 410 buah Kampung Baru.	1
		[Mana-mana 8 x 1 m]	8 markah

7(c)	Sejauh manakah rakyat berperanan dalam menjaga keselamatan negara daripada sebarang bentuk ancaman pada masa hadapan?	
	Aras 4	7 - 8
	Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan	
	Contoh :	
~	<i>Rakyat berperanan memilih pemimpin yang berwibawa</i>	
~	<i>iaitu pemimpin yang bijak, berilmu pengetahuan dan berwawasan</i>	
~	<i>agar dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan dalam menentukan corak, hala tuju dan masa depan negara</i>	
~	<i>Contohnya, rakyat yang berkelayakan perlu menjadi pengundi dalam pilihan raya</i>	
~	<i>Dengan ini, rakyat telah berperanan meletakkan individu yang paling berkelayakan untuk mengurus hal ehwal keselamatan negara.</i>	
~	<i>Rakyat perlu melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya menjumpai atau menyaksikan perkara-perkara yang mencurigakan berlaku di hadapan mata</i>	
~	<i>Melaporkan kesalahan undang-undang kepada pihak polis untuk membolehkan mereka menjalankan siasatan.</i>	
~	<i>Laporan kini boleh dibuat dengan pantas dan di hujung jari sahaja</i>	
~	<i>Contohnya, laporan melalui talian Hotline aplikasi whatsapp aduan Polis Diraja Malaysia.</i>	
~	<i>Sekiranya rakyat prihatin dan bekerjasama dengan pihak berkuasa, pasti keselamatan dan keamanan negara secara domestik dapat dicapai dengan lebih baik.</i>	
~	<i>Rakyat perlu menguasai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang</i>	
~	<i>agar boleh berfikir dengan rasional dan tidak mudah terpengaruh dengan isu-isu negatif yang boleh mengancam keselamatan negara.</i>	
~	<i>Contohnya, isu cubaan menghidupkan kembali PKM, isu abu mayat Chin Peng dibawa pulang ke Malaysia dan sebagainya merupakan isu yang dimanipulasi untuk menggugat keamanan negara.</i>	
~	<i>Dengan adanya ilmu pengetahuan khususnya tentang sejarah negara, rakyat boleh menilai akan kesan buruk kepada negara sekiranya ideologi komunis dihidupkan kembali di negara kita</i> <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i>	
	Aras 3	5 - 6

	<p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh yang sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik</p>	
	<p>Contoh :</p>	
~	<p><i>Rakyat perlu melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya menjumpai atau menyaksikan perkara-perkara yang mencurigakan berlaku di hadapan mata</i></p>	
~	<p><i>Melaporkan kesalahan undang-undang kepada pihak polis untuk membolehkan mereka menjalankan siasatan.</i></p>	
~	<p><i>Laporan kini boleh dibuat dengan pantas dan di hujung jari sahaja</i></p>	
~	<p><i>Contohnya, laporan melalui talian Hotline aplikasi whatsapp aduan Polis Diraja Malaysia.</i></p>	
~	<p><i>Sekiranya rakyat prihatin dan bekerjasama dengan pihak berkuasa, pasti keselamatan dan keamanan negara secara domestik dapat dicapai dengan lebih baik.</i></p>	
~	<p><i>Rakyat perlu menguasai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang agar boleh berfikir dengan rasional dan tidak mudah terpengaruh dengan isu-isu negatif yang boleh mengancam keselamatan negara.</i></p>	
Aras 2		3 - 4
	<p>Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan dihurst tetapi terhad Komunikasi/pengolahan kurang menarik (Tiada contoh)</p>	
	<p>Contoh :</p>	
~	<p><i>Rakyat perlu melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya menjumpai atau menyaksikan perkara-perkara yang mencurigakan berlaku di hadapan mata</i></p>	
~	<p><i>Melaporkan kesalahan undang-undang kepada pihak polis untuk membolehkan mereka menjalankan siasatan.</i></p>	
~	<p><i>Laporan kini boleh dibuat dengan pantas dan di hujung jari sahaja</i></p>	
~	<p><i>Rakyat perlu menguasai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang</i></p>	
Aras 1		1 - 2
	<p>Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan mudah/umum Komunikasi/pengolahan terhad</p>	
	<p>Contoh :</p>	
~	<p><i>Rakyat berperanan memilih pemimpin yang berwibawa</i></p>	
~	<p><i>Rakyat perlu menguasai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang</i></p>	

8(a)	Jelaskan isu yang perlu diselesaikan oleh Jawatan Kuasa Hubungan Antara Kaum		
	F1	Politik	1
	H1	Persediaan kearah berkerajaan sendiri	1
	F2	Kedudukan istimewa Orang Melayu	1
	H2	Orang Melayu menuntut diperakui kedudukan istimewa sebagai penduduk asal rantau Alam Melayu	1
	F3	Kedudukan Ekonomi orang Melayu	1
	H3	Orang Melayu tidak memperoleh peluang yang sama seperti kaum bukan Melayu dalam sektor perniagaan dan perusahaan	1
	F4	Kewarganegaraan Bukan Melayu	1
	H4	Ketegasan orang Melayu terhadap pemberian syarat kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu	1
	F5	Pendidikan	1
	H5	Sistem persekolahan yang berbeza-beza mengikut kaum, menggunakan Bahasa pengantar, buku teks dan sukanan pelajaran yang berlainan.	1
		[mana-mana 4 x 1m]	[4 markah]
8(b)	Ciri-ciri sistem ahli		
	F1	Ahli bertaraf "Menteri" bertanggung jawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan dan agensi kerajaan	1
	F2	Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan Persetujuan Majlis Raja-Raja	1
	F3	Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan jabatannya dan dibentangkan di MPP	1
	F4	Ahli diletakkan di bawah Pesuruhjaya Tinggi	1
	F5	Satu sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada pegawai tadbir dan tokoh Masyarakat	1
		[mana-mana 4 x 1m]	[4 markah]
	Kepentingan Sistem ahli		
	F1	Asas penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri	1
	F2	Pendedahan kepada penduduk tempatan mentadbir dan menerajui kerajaan yang bakal merdeka	1
	F3	Memupuk perpaduan kaum kerana ahli terdiri gabungan pemimpin pelbagai kaum	1
	F4	Menentukan kemerdekaan yang diperoleh mendapat sokongan seluruh penduduk	1
	F5	Memberi pendedahan kerana merupakan satu tempoh peralihan peralihan menjelang kemerdekaan negara.	1
		[mana-mana 4 x 1m]	[4 markah]

8(c)	Mengapa perpaduan kaum sangat penting bagi sebuah negara yang merdeka. Berikan hujah anda.	
	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan	7 - 8
	Contoh : ~ <i>Perpaduan kaum dapat mengukuhkan ekonomi negara</i> ~ <i>Rakyat hidup dalam keadaan aman dan harmoni</i> ~ <i>Dapat melaksanakan ekonomi mengikut bidang kepakaran masing-masing</i> ~ <i>Seperti bidang perlombongan, perladangan, pelancongan dan lain-lain</i> ~ <i>Menjadikan Malaysia negara yang makmur</i> ~ <i>Pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan baik</i> ~ <i>Kemudahan infrastruktur dapat dibina untuk rakyat</i> ~ <i>Contohnya kemudahan pendidikan/perubatan/kesihatan dan lain-lain</i> ~ <i>Kebajikan rakyat terjaga</i> ~ <i>Imej negara akan meningkat dan disegani oleh negara luar</i> (Mana-mana jawapan yang munasabah)	
	Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh yang sesuai membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik	5 - 6
	Contoh : ~ <i>Perpaduan kaum dapat mengukuhkan ekonomi negara</i> ~ <i>rakyat hidup dalam keadaan aman dan harmoni</i> ~ <i>Dapat melaksanakan ekonomi mengikut bidang kepakaran masing-masing</i> ~ <i>Seperti bidang perlombongan, perladangan, pelancongan dan lain-lain</i> ~ <i>Menjadikan Malaysia negara yang makmur</i> ~ <i>Pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan baik</i>	
	Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan dihurai tetapi terhad Komunikasi/pengolahan kurang menarik (tiada contoh)	3-4
	Contoh :	

	<ul style="list-style-type: none"> ~ <i>Perpaduan kaum dapat mengukuhkan ekonomi negara</i> ~ <i>rakyat hidup dalam keadaan aman dan harmoni</i> ~ <i>Menjadikan Malaysia negara yang makmur</i> ~ <i>Pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan baik</i> 	1-2
Aras 1	Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan mudah/umum Komunikasi/pengolahan terhad	
	Contoh :	
	<ul style="list-style-type: none"> ~ <i>Perpaduan kaum dapat mengukuhkan ekonomi negara</i> ~ <i>rakyat hidup dalam keadaan aman dan harmoni</i> 	

Soalan	Perincian		Markah
9(a)	Jelaskan Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dalam merangka perlembagaan tersebut.		
	F1	Memeriksa aturan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu.	1
	H1		1
	F2	Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal, bebas dan berkerajaan sendiri	1
	H2	dalam lingkungan Komanwel berdasarkan Demokrasi Berparlimen dengan dua Dewan Perundangan	1
	F3	Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat dengan kerajaan negeri juga mempunyai autonomi tertentu.	1
	F4	Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan di negeri masing-masing.	1
	F5	Mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara, iaitu Yang di-Pertuan Besar (kemudiannya dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong) untuk Persekutuan Tanah Melayu.	1
	F6	Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu.	1
	F7	Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.	1
		[Mana-mana 4 x 1 m]	4 markah
9(b)	Huraikan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.		
	F1	Pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen	1
	F2	Pemilihan seorang raja sebagai Yang di-Pertuan Agong yang dilantik dalam kalangan Raja Melayu setiap lima tahun sekali merupakan satu keistimewaan.	1
	F3	Kewarganegaraan	1
	F4	Setiap orang yang dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas hari merdeka akan menjadi warganegara.	1
	F5	Kewarganegaraan diberikan dengan tiga cara.	1
	F6	Pertama, melalui penguasaan undang-undang (Perkara 14)	1
	F7	Kedua, memohon didaftarkan sebagai rakyat (Perkara 15)	1
	F8	Ketiga, memohon untuk menukar warganegaraan atau naturalisasi	1
	F9	Kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain	1
	F10	Semua rakyat Persekutuan Tanah Melayu mempunyai hak serta kewajipan yang sama	1
	F11	Rakyat keturunan Melayu diberi beberapa keutamaan dengan mengambil kira status mereka sebagai rakyat asal Tanah Melayu	1
	F12	Hak untuk masyarakat lain tetap dipelihara dan dilindungi.	1
	F13	Kedudukan Agama Islam	1
	F14	Agama Islam sebagai agama Persekutuan dan agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di negara kita	
	F15	Kedudukan Bahasa Melayu	
	F16	Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan	
	F17	Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar dan bahasa komunikasi.	
		[Mana-mana 8 x 1 m]	8 markah

9(c)	Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 penting kepada pembinaan negara dan bangsa kita. Berikan ulasan anda.		
	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan		7 - 8
	Contoh : ~ <i>Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 merupakan satu langkah pembinaan negara dan bangsa yang kukuh dan berdaulat.</i> ~ <i>Hal ini kerana, negara dan bangsa kita terbentuk hasil sikap tolak ansur dan permuafakatan pemimpin dan masyarakat berbilang kaum di negara kita.</i> ~ <i>Membolehkan sebuah negara demokrasi dengan konsep Raja Berperlembagaan dibentuk secara aman tanpa pertumpahan darah.</i> ~ <i>Contohnya, pemimpin Tanah Melayu yang terdiri daripada berbilang kaum bersetuju menerima isi kandungan perjanjian di bawah perkara 153 iaitu orang Melayu diberikan hak istimewa kerana status mereka sebagai rakyat asal tetapi hak masyarakat lain tetap dipelihara dan dilindungi.</i> ~ <i>Semua rakyat mempunyai kewajipan yang sama untuk menjaga dan memelihara keamanan negara.</i> ~ <i>Kesannya rakyat hidup harmoni dan wujud perpaduan yang jitu di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara kita hingga kini.</i> ~ <i>Perjanjian ini memberikan hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir negara.</i> ~ <i>Mereka boleh mentadbir mengikut acuan mereka sendiri</i> ~ <i>Melahirkan identiti masyarakat yang merdeka walaupun berbeza warna kulit, bangsa dan agama.</i> ~ <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i>		
	Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh yang sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik		5 - 6
	Contoh : ~ <i>Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 merupakan satu langkah pembinaan negara dan bangsa yang kukuh dan berdaulat.</i>		

	~ <i>Hal ini kerana, negara dan bangsa kita terbentuk hasil sikap tolak ansur dan permuafakatan pemimpin dan masyarakat berbilang kaum di negara kita.</i>	
	~ <i>Membolehkan sebuah negara demokrasi dengan konsep Raja Berperlembagaan dibentuk secara aman tanpa pertumpahan darah.</i>	
	~ <i>Contohnya, pemimpin Tanah Melayu yang terdiri daripada berbilang kaum bersetuju menerima isi kandungan perjanjian di bawah perkara 153 iaitu orang Melayu diberikan hak istimewa kerana status mereka sebagai rakyat asal tetapi hak masyarakat lain tetap dipelihara dan dilindungi.</i>	
	~ <i>Kesannya rakyat hidup harmoni dan wujud perpaduan yang jitu di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara kita hingga kini.</i>	
	~ <i>Perjanjian ini memberikan hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir negara.</i>	
	Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan dihurai tetapi terhad Komunikasi/pengolahan kurang menarik (Tiada contoh)	3 - 4
	Contoh :	
	~ <i>Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 merupakan satu langkah pembinaan negara dan bangsa yang kukuh dan berdaulat.</i>	
	~ <i>Membolehkan sebuah negara demokrasi dengan konsep Raja Berperlembagaan dibentuk secara aman tanpa pertumpahan darah</i>	
	~ <i>Perjanjian ini memberikan hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir negara.</i>	
	~ <i>Mereka boleh mentadbir mengikut acuan mereka sendiri.</i>	
	Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan mudah/umum Komunikasi/pengolahan terhad	1-2
	Contoh :	
	~ <i>Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 merupakan satu langkah pembinaan negara dan bangsa yang kukuh dan berdaulat.</i>	
	~ <i>Perjanjian ini memberikan hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir negara</i>	

